

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)

DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah Kementerian akan memperbanyakkan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang membolehkan rakyat membeli barangan dengan harga lebih murah di kawasan-kawasan kependudukan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Objektif utama KR1M adalah;

- 1) Untuk menangani peningkatan kos sara hidup, dan
- 2) Penanda aras menstabilkan harga barangan keperluan harian di pasaran.

Sehingga kini, sebanyak 162 buah KR1M telah dibangunkan di seluruh negara. Bagi tahun 2015, Kerajaan telah mensasarkan sebanyak 25 buah KR1M akan dibangunkan iaitu sebanyak 20 buah di Semenanjung, 2 di Sabah dan 3 di Sarawak. Ini akan menjadikan jumlah KR1M menjelang akhir tahun ini kepada 186 buah KR1M.

Pemilihan lokasi KR1M dibuat berdasarkan kepada lokasi-lokasi yang bersesuaian di kawasan Parlimen berkenaan, terutamanya di kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai di kawasan Parlimen berkenaan seperti pekan atau bandar. Ini bertujuan untuk memastikan rakyat khususnya yang berpendapatan rendah dan sederhana di seluruh kawasan Parlimen tersebut mempunyai akses yang mudah untuk ke KR1M berkenaan.